



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 6, June 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Humor dalam Pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Guru di Sekolah Rendah: Suatu Pemerhatian Awal

Hafifi H. Horace¹, Musirin Mosin¹

¹Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Hafifi H. Horace (hafifihorace@gmail.com)

Abstrak

Humor merupakan salah satu teknik pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas dalam usaha mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah. Kajian awal bersifat konseptual ini dijalankan untuk meneroka penggunaan humor dalam pengajaran guru di peringkat sekolah rendah. Teori seperti *Instructional Humor Processing Theory* (IHPT), Teori Relief, Teori Inkongruiti dan Teori Superioriti serta Teori Kecerdasan Emosi turut diaplikasikan dalam perbincangan dalam usaha untuk meneroka keunikan dan keberkesanan penggunaan humor dalam pengajaran di sekolah.

Kata kunci: humor, bahasa Melayu, sekolah rendah, pengajaran guru

Humor in Teaching Malay Language among Teachers in Primary School: A Preliminary Observation

Abstract

Humor is one of the teaching techniques used in teaching and learning in the classroom as an effort to create fun learning among the pupils in primary schools. A preliminary conceptual study was conducted to explore the use of humor in the teaching of teachers at the primary school level. Theories such as Instructional Humor Processing Theory (IHPT), Relief Theory, Incongruity Theory and Superiority Theory and Emotional Intelligence Theory are also applied in the discussion of the study. These theories are used in an effort to explore the uniqueness and effectiveness of using humor in teaching at school.

Keywords: humor, Malay language, primary school, teaching teacher

Pengenalan

Perkembangan pendidikan pada masa kini memerlukan guru melakukan perubahan dengan segera. Sehubungan dengan itu, guru juga perlu melaksanakan kaedah pengajaran yang lebih menarik serta sesuai dengan perkembangan murid-murid pada masa kini. Maka, pengajaran berlandaskan humor menjadi satu alternatif pengajaran yang dapat menjadikan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia tercapai iaitu mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah.

Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai inisiatif kerajaan dalam merealisasikan hal ini. Antaranya ialah menubuhkan Konsep Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang menjurus ke arah melahirkan modul insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan penglibatan murid yang aktif dan bermakna, Amin Senin (2018). Maka bagi mencapai aspirasi ini, pengajaran menggunakan humor merupakan salah satu aspek penting yang perlu digunakan dalam pengajaran guru pada masa kini. Oleh itu, sejajar dengan kajian ini, penerokaan humor dalam pengajaran guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah perlu untuk dilaksanakan bagi mendalami penggunaan humor dalam kalangan guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah.

Terdapat segelintir guru yang kurang memahami mengenai penggunaan humor dalam pengajaran lantaran kurang pengetahuan serta pendedahan. Hal ini menjadikan guru perlu untuk diberikan pendedahan, pengalaman, kefahaman dan pengetahuan yang lebih luas tentang amalan pembelajaran menyeronokkan, (Mohd Razak & Masitah, 2015).

Penggunaan humor yang tidak sesuai di dalam kelas turut berlaku lantaran guru kurang pengetahuan dalam semasa menggunakan humor dalam pengajaran, (Wanzer et al., 2006) . Kesan daripada hal ini menjadikan pengajaran di dalam kelas hambar dan tidak menarik, (Nazri, 2000 ; Tengku Sarina & Faridah, 2008). Akhirnya perkara ini menjadikan segelintir guru menjadi kurang berkesan dalam pengajarannya.

Tambahan lagi, kajian penggunaan humor dalam pengajaran banyak dikaji dalam subjek yang lain dan masih kurang dalam subjek Bahasa Melayu. Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah dalam subjek Bahasa Inggeris dan juga dalam peringkat menengah dan juga peringkat pengajian tinggi. Kebanyakan guru tidak menggunakan humor lantaran mereka tidak mempunyai panduan khas dalam pengajaran humor. Hal ini dinyatakan oleh sarjana terdahulu iaitu, sesetengah guru tidak menggunakan humor dalam pengajaran mereka lantaran guru tidak dilatih menggunakan humor dalam pengajaran, (Ziyaeemehr et al., 2011). Maka dengan beberapa pernyataan masalah ini, kajian penerokaan humor dalam pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah perlu untuk dilaksanakan.

Soroton Literatur

Konsep Humor di Sekolah Rendah

Dalam konteks penulisan ini, penyelidik menekankan humor yang merupakan salah satu kriteria yang terdapat dalam pengajaran didik hibur dan juga amalan pembelajaran menyeronokkan. Hal ini juga menjadi saranan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk sentiasa mengamalkan pembelajaran menyeronokkan dan bermakna kepada para murid di semua peringkat khususnya peringkat sekolah rendah. Pengajaran perlulah bersifat menyeronokkan dalam pengajaran dalam bilik darjah, (Abduk Rasid, Nurul Nadiah & Shamsudin, 2016). KPM (2010) turut memperkenalkan *Fun Learning* seiring dengan Perlaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang bermula pada tahun 2010 lagi dan seiring juga dengan pengajaran berasaskan didik hibur.

Kebanyakan kajian di luar negara juga turut menekankan bahawa kepentingan humor dalam pengajaran perlu dilaksanakan. Hal ini kerana, bagi kanak-kanak humor merupakan sebahagian daripada proses perkembangan normal termasuk dalam kematangan bagi kemahiran kognitif, Bahasa dan sosial (McGhee, 1979;1989). Maka dalam konteks pemerhatian awal ini, penyelidik melihat kepada konteks pengajaran guru yang menggunakan humor sebagai satu alternatif dalam mewujudkan suasana yang selesa dan selamat kepada para murid. Seperti yang disarankan oleh Bahagian Pembangunan Kokurikulum KPM iaitu proses pengajaran dan pemudahcaraan guru Bahasa Melayu perlu untuk dilaksanakan secara dinamis dan progresif. Bahasa Melayu merupakan subjek Bahasa yang memerlukan aktiviti yang menarik dan menyeronokkan bagi menarik perhatian murid untuk meminati subjek ini. Hal ini kerana, pengajaran Bahasa Melayu memerlukan murid untuk mendapatkan idea, pandangan, ulasan dan sebagainya. Guru memerlukan kreativiti yang tinggi untuk membina perkembangan minda, emosi, sikap dan diri murid (Abdul Rasid et al, 2012).

Tambahan lagi, penggunaan humor dalam pengajaran di peringkat sekolah rendah juga mempunyai batas-batas yang tertentu untuk digunakan. Menurut Shafee, Roselan dan Sahandri Ghani (2011) menyatakan terdapat empat Batasan yang perlu diambil kira dalam penggunaan humor di sekolah rendah iaitu kawalan masa menggunakan humor hendaklah secara ringkas dan padat, penggunaan humor yang tidak berlebih-lebihan, humor yang sesuai dengan sosiobudaya iaitu humor yang sesuai atau tidak sesuai dalam konteks pengajaran dan akhir sekali humor tersebut hendaklah dapat menimbulkan kelucuan dan keselesaan dalam suasana pembelajaran para murid.

Kesimpulannya, humor dalam konteks kajian ini adalah humor yang dapat memberikan unsur lucu dan dapat menggembarakan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Keceriaan aspek emosi akan dapat diwujudkan apabila amalan pembelajaran menyeronokkan dapat dilaksanakan dalam pelbagai situasi pengajaran sama ada dalam situasi formal atau tidak formal, (Shaffe et al., 2011). Tambahan lagi pengajaran berlandaskan humor akan menghasilkan komunikasi antara guru dan murid berkesan. Lantaran humor yang digunakan dalam amalan pembelajaran menyeronokkan mampu untuk membantu kelancaran komunikasi guru dan murid (Abdul Rasid et al., 2013)

Teori Relief (Teori Kelegaian)

Teori Relief atau dikenali sebagai teori kelegaian merupakan teori yang telah dikembangkan oleh Freud pada abad kedua puluh. Menurut teori ini, ketawa akan memberikan kelegaian kepada manusia selepas berhadapan dengan keadaan yang tegang dalam kehidupan seharian. Ketawa mempunyai nilai terapeutik dan melegakan ketegangan yang ada di dalam diri (Nesi, 2002).

Hal ini bermakna, teori ini akan mengurangkan perasaan bimbang, gelisah dan tekanan melalui perbuatan ketawa yang terhasil daripada humor. Maka berkaitan dengan suasana pengajaran di dalam kelas, ketawa yang dihasilkan akan dapat mengurangkan perasaan bimbang dan tekanan dalam kalangan murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Teori Inkongruti

Inkongruti membawa maksud kepada percanggahan, penyimpangan, keterlaluan, kejutan, tidak munasabah, atau perkara yang tidak benar. Teori ini dipelopori oleh ahli falsafah Jerman iaitu Immanuel Kant pada tahun 1790 dan Arthur Schopenhauer pada tahun 1819. Teori ini terjadi apabila berlaku perbezaan maksud dengan keadaan sebenar sesuatu kejadian atau perkara yang tidak masuk akal dan akhirnya akan menimbulkan kelucuan.

Hal ini berlaku apabila berlaku percanggahan antara perkara lucu dan sumber jenaka serta pelanggaran tanggapan. Seseorang akan mengetawakan sesuatu apabila perkara tersebut mengejutkan mereka atau perkara tersebut tidak dapat diterima oleh pemikiran atau akal, (Wilkins & Eisenbraun, 2009). Tambahan lagi apabila perkara tersebut menunjukkan kejadian yang tidak sepadan, tidak logik, mengejutkan, berbeza, tidak masuk akal dan tidak menentu (Martin, 2020) maka perkara tersebut akan diiktiraf sebagai lucu.

Dalam aspek pengajaran guru, guru melakukan sesuatu perkara yang berbeza daripada tanggapan murid atau jangkaan mereka yang akhirnya menimbulkan kelucuan kepada murid semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung.

Teori Superioriti

Pelopori bagi teori ini Plato, Cicero, Descartes dan Bacon berpendapat bahawa kecacatan, ketidaksempurnaan dan kekurangan yang dilihat pada seseorang akan menjadikan perkara tersebut sebagai bahan ketawa. Teori superiority ini menekankan kepada komponen emosi dalam humor (Thomas, 1650, Alexander, 1880).

Teori ini digunakan untuk menjatuhkan seseorang lantaran pelakunya mempunyai kuasa ataupun berupaya daripada orang lain. Perkaitan teori ini dalam pengajaran ialah guru merupakan seseorang

yang mempunyai kuasa dan lebih tinggi tarafnya di dalam kelas iaitu sebagai tenaga pengajar. Maka guru boleh menggunakan teori ini dengan menjadikan murid sebagai bahan ketawa. Kebanyakan murid tidak menyukai guru yang membuatkan dirinya sebagai bahan ketawa di dalam kelas dan menyentuh perkara-perkara seperti hal fizikal, peribadi dan juga penampilan mereka (Wanzer et al, 2006). Hal ini boleh juga terjadi apabila seorang guru menegur tingkah laku atau menyindir kepada murid akibat sikap mereka semasa dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan.

Teori Interaksional Pemprosesan Humor (IHPT)

IHPT yang dipelopori oleh Wanzer et al. (2010) adalah teori yang menggabungkan Model Elaborasi Kemungkinan (ELM) persuasi (Petty dan Cacioppo, 1981, 1985) dan Teori Inkongruiti. Teori sokongan ini akan menjelaskan bagaimana humor digunakan di dalam pengajaran guru dan dapat memudahkan proses pengajaran dan pemudahcaraan murid (Banas et al., 2010)

Dalam teori ini, murid sebagai penerima akan melihat terlebih dahulu maklumat yang disampaikan oleh guru semasa sesi pengajaran. Menurut teori ini, murid hendaklah dapat menghuraikan maklumat lucu yang terdapat dalam penyampaian guru dengan berfikir lebih mendalam tentang maklumat dan hubungannya dengan kandungan pengajaran yang disampaikan (Petty & Caioppo, 1981,1986). Murid yang berjaya mentafsirkan maklumat humor dengan betul dan dapat mengaitkan dengan pengajaran yang disampaikan akan dapat meningkatkan pemahaman mereka mengenai isi kandungan pengajaran yang disampaikan oleh guru (Wanzer et al. 2020).

Oleh hal yang demikian, teori sokongan ini penting bagi melihat mekanisme humor yang digunakan semasa sesi pengajaran dilakukan. Teori IHPT ini juga berguna untuk melihat perkaitan antara humor dan pengajaran serta pembelajaran antara guru dan murid.

Teori Kecerdasan Emosi (EQ)

Teori sokongan yang seterusnya adalah teori kecerdasan yang menjelaskan kesan humor daripada kecerdasan emosi. Aspek humor dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dijelaskan melalui kecerdasan emosi, (Chabeli, 2008). Carver (2013) menyatakan bahawa kecerdasan emosi dapat membantu untuk memahami aspek-aspek lain selain daripada memahami dan mengingat, humor juga turut menyumbang dalam mewujudkan persekitaran positif dalam suasana pengajaran dan pemudahcaraan.

Dalam konteks kajian ini, teori ini digunakan bagi melihat penggunaan humor yang memberikan kesan emosi kepada murid dan juga suasana pengajaran guru. Penggunaan humor yang sesuai dalam pengajaran akan memberikan sumbangan kecerdasan emosi lantaran hal ini dapat mewujudkan suasana yang santai dan positif serta murid akan berasa diterima dan selamat sepanjang sesi pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung (Chabeli, 2008).

Kesimpulannya, penyelidik berpendapat bahawa penggunaan humor dalam pengajaran bukan sahaja akan memudahkan pembelajaran murid malahan akan dapat mewujudkan suasana dan emosi yang positif dalam kalangan murid serta guru itu sendiri. Murid juga akan dapat melahirkan sikap yang positif terhadap subjek Bahasa Melayu dan juga kepada guru yang mengajar subjek tersebut.

Kesimpulan

Tuntasnya, pemerhatian awal ini adalah bertujuan bagi meneroka pengalaman humor dalam pengajaran guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. Hal ini bagi menambahkan lagi alternatif-alternatif dalam amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. Lantaran perubahan era dan teknologi pada masa kini, guru hendaklah juga turut meningkatkan amalan pengajaran mereka mengikut peredaran masa dan sesuai dengan peringkat murid yang diajar. Aspirasi KPM untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan perlu dilaksanakan agar pengajaran menjadi satu medan yang bermakna. Oleh itu, humor dalam pengajaran Bahasa Melayu di peringkat

sekolah rendah perlu diteroka lantaran merupakan satu aspek utama bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Akhir sekali, semoga dengan perkongsian ilmu dalam prosiding ini akan dapat membantu penyelidik dalam menambahbaikkan lagi kaedah kajian yang bakal dilaksanakan.

Rujukan

- Amin Senin, (2018). Melangkah Ke Hadapan, Gerak Kerja & Fokus Tumpuan KPPM 2018, *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali, & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 39–45. <https://doi.org/10.1002/pol.1951.120070214>
- Abdul Rasid Jamian, H. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3, 49–63.
- Asmah Hj. Omar, 2008. *Eksiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakar, F. A. (2018). *The use of Humour in Teaching And Learning In Higher education*. University Of Otago, Dunedin, New Zealand.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative Inquiry anti 'Research Design*. 2nd edition. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J. 2009. *Research Design - Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 3rd edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. 2013. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 3rd edition. Los Angeles: Sage.
- Creswell, J. W. 2014. *A Concise Introduction to Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.
- Frymier, A. B., Wanzer, M. B., & Wojtaszczyk, A. M. (2008). Assessing Students' Perceptions of Inappropriate and Appropriate Teacher Humor. *Communication Education*, 57(2), 266-288. doi:10.1080/03634520701687183
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairuddin Mohamad, Mairidah Alias, Rafiah Daud, Thahir Nurudin, J. (2012). Modul Didik Hibur Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia
- Malaysia, S. K. P. (2010). Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Malaysia, K. P. (1999). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999. *Penyediaan Rekod*.
- Mohd Razak Mohd Nordin, & Masitah Ahmad. (2015). Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap dan Minat Murid Orang Asli di Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 77–90
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S, B. 2009. *Qualitative Research : A Guide to Design and Implementation*. San Fransisco, CA : John Wiley & Sons, Inc.
- Merriam, S. B. 2015. *Qualitative Research : Designing, Implementing, and Publishing Study*. In *Handbook of Research on Scholarly Publishing and Research Methods*, pp. 125-140. Hershey, Pa: IGI Global.
- Nesi, H. (2012). Laughter in university lectures. *Journal of English for Academic Purposes*, 11(2), 79-89. doi:<http://dx.doi.org/10.1016/j.jeap.2011.12.003>
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar. 2015 : *Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- SKPM, P. P. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*.
- Shaffe Mohd Daud, Roselan Baki, R., & Sahandri Ghani Hamzah. (2011). Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Murid. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 26(1), 125–144.
- Tongco, M. D. C. (2007). Purposive sampling as a tool for informant selection. *A Journal of Plants, People, and Applied Research Ethnobotany Research & Application*, 5, 147- 15
- Wanzer, M. & Frymier, A. (1999). The relationship between students perceptions of instructor humor and students' reports of learning. *Communication Education*, 48(1), 48-62.
- Wanzer, M., Frymier, A. B., & Irwin, J. (2010). An Explanation of the Relationship between Instructor Humor and Student Learning: Instructional Humor Processing Theory. *Communication Education*, 59(1), 1-18. doi:10.1080/03634520903367238
- Wanzer, M., Frymier, A., Wojtaszczyk, A. M., & Smith, T. (2006). Appropriate and inappropriate uses of humor by teachers. *Communication Education*, 55(2), 178-196.
- Zillmann, D. (1983). Disparagement humor *Handbook of humor research* (pp. 85-107): Springer.
- Ziv, A. (1988). Teaching and Learning with Humor. *The Journal of Experimental Education*, 57(1), 4-15. doi:10.1080/00220973.1988.10806492
- Ziyaeemehr, A., Kumar, V., & Abdullah, M. (2011). Use and Non-use of Humor in Academic ESL Classrooms. *English Language Teaching*, 4(3), 111-119